

# UK ISYTIHAR DARURAT

United Kingdom (UK) mengisytiharkan darurat negara selepas suhu beberapa tempat diramalkan mencecah 40 darjah Celsius.

Sebilangan sekolah akan mula ditutup minggu depan namun sebahagian tempat tidak menjangkakan penutupan penuh.

Pihak pengurusan sekolah perlu mengambil langkah termasuk menilai sama ada sekolah mereka perlu ditutup atau sebaliknya, mengikut keadaan semasa bagi memastikan keselamatan pelajar.

Guru Besar Sekolah Rendah Hartford Manor, Cheshire, Simon Kidwell berkata, dia menasihatkan ibu bapa supaya menghantar anak ke sekolah dengan pakaian sesuai kerana cuaca panas.

"Pakaian seragam dicualikan," katanya kepada BBC News.

Dalam pada itu, sejumlah pihak berkuasa tempatan termasuk Majlis Daerah Somerset dan Majlis Bandaraya Portsmouth memaklumkan, mereka tidak menjangkakan penutupan sekolah.

## Susulan suhu di beberapa tempat mencecah paras 40 darjah Celsius



*Pengudaraan harus diperbaiki di bangunan sekolah kerana UK kini mengalami cuaca panas melampau"*

**James Bowen**

Majlis Daerah Cambridgeshire pula menyatakan pihaknya meminta pengurusan sekolah melakukan semua yang termampu untuk memastikan sekolah terus dibuka dengan pelajaran sesuai.

Bagaimanapun, beberapa sekolah mengambil keputu-

san menutup sepenuhnya pada Isnin dan Selasa manakala ada yang merombak semula waktu sekolah dibuka dan hari sukan.

Pengetua Sekolah Tinggi Dr Challoner, Buckinghamshire, Alan Roe berkata, pihaknya memutuskan tutup sekolah kerana banyak bilik darjah dalam keadaan tidak selesa.

Jabatan Pendidikan berkata, pemimpin sekolah harus memastikan mereka mengambil sebarang langkah yang perlu untuk memastikan kanak-kanak selamat dan selesa ketika berada dalam persekitaran sekolah.

Katanya, ia termasuk mengelakkan sesi membatik aktiviti fizikal cergas

dan mencadangkan murid memakai pakaian longgar berwarna terang dengan topi pelindung sinaran matahari selain penyediaan air dalam kuantiti yang banyak kepada kanak-kanak.

Sementara itu, Setiausaha Agung Kesatuan Pengajar (NEU), Kevin Courtney mencadangkan pengurangan penggunaan peralatan penjanaan haba seperti komputer dan ketuhar selain menyesuaikan menu makan tengah hari sekolah.

Pengarah Dasar Kesatuan Pemimpin Sekolah (NAHT) James Bowen pula berkata, pengudaraan harus diperbaiki di bangunan sekolah kerana UK kini mengalami cuaca panas melampau. - Agensi